

Malay A: literature – Higher level – Paper 2
Malais A : littérature – Niveau supérieur – Épreuve 2
Malayo A: literatura – Nivel superior – Prueba 2

Monday 11 May 2015 (morning)
 Lundi 11 mai 2015 (matin)
 Lunes 11 de mayo de 2015 (mañana)

2 hours / 2 heures / 2 horas

Instructions to candidates

- Do not open this examination paper until instructed to do so.
- Answer one essay question only. You must base your answer on at least two of the Part 3 works you have studied and compare and contrast these works in response to the question. Answers which are not based on a discussion of at least two Part 3 works will not score high marks.
- You are not permitted to bring copies of the works you have studied into the examination room.
- The maximum mark for this examination paper is **[25 marks]**.

Instructions destinées aux candidats

- N'ouvrez pas cette épreuve avant d'y être autorisé(e).
- Traitez un seul sujet de composition. En basant votre réponse sur au moins deux des œuvres de la troisième partie que vous avez étudiées, vous devez comparer et opposer ces œuvres dans le cadre du sujet. Les réponses qui ne sont pas basées sur au moins deux des œuvres de la troisième partie n'obtiendront pas une note élevée.
- Vous n'êtes pas autorisé(e) à apporter des exemplaires des œuvres que vous avez étudiées dans la salle d'examen.
- Le nombre maximum de points pour cette épreuve d'examen est de **[25 points]**.

Instrucciones para los alumnos

- No abra esta prueba hasta que se lo autoricen.
- Conteste una sola pregunta de redacción. Base su respuesta en al menos dos de las obras estudiadas de la Parte 3, comparándolas y contrastándolas en relación con la pregunta. Las respuestas que no se basen en al menos dos obras de la Parte 3 no recibirán una puntuación alta.
- No está permitido traer copias de las obras estudiadas a la sala de examen.
- La puntuación máxima para esta prueba de examen es **[25 puntos]**.

Jawab **satu** soalan esei sahaja. Jawapan anda hendaklah berdasarkan kepada **sekurang-kurangnya dua** daripada karya-karya Bahagian 3 yang anda kaji serta **bandingkan** karya-karya itu dalam menjawab soalan. Jawapan yang **tidak** berdasarkan perbincangan tentang dua karya Bahagian 3, **tidak** akan mendapat markah tinggi.

Cerpen

1. Berdasarkan sekurang-kurangnya dua karya yang anda kaji, bincangkan pentingnya cerpen mempunyai pengakhiran yang dramatik.
2. Berdasarkan sekurang-kurangnya dua karya yang anda kaji, bincangkan keberkesanan pengarang mengeksploitasi watak-watak yang mengalami masalah mental dalam mengolah jalan cerita mereka.
3. Cerpen merupakan wahana yang baik untuk para pengarang memaparkan ciri-ciri ketidakadilan dan eksploitasi. Bincangkan berdasarkan sekurang-kurangnya dua karya yang anda kaji.

Drama

4. Berdasarkan sekurang-kurangnya dua karya yang anda kaji, bincangkan bagaimana perwatakan wanita dipaparkan.
5. Berdasarkan sekurang-kurangnya dua karya yang anda kaji, bincangkan sejauhmanakah unsur jenaka atau komedi dalam drama Melayu dapat memberi kesan negatif kepada tanggapan pembaca atau penonton terhadap masyarakat Melayu.
6. Kadang-kadang pengarang mewujudkan ironi dramatik, di mana penonton lebih mengetahui tentang watak atau peristiwa lain berbanding watak di pentas. Berdasarkan sekurang-kurangnya dua karya yang anda kaji, bincangkan keberkesanan teknik ini.

Novel

7. Berdasarkan sekurang-kurangnya dua karya yang anda kaji, bincangkan bagaimana penggunaan sudut pandangan yang berbeza atau bercanggah dapat memberi kesan kepada penilaian atau apresiasi pembaca.
8. Berdasarkan sekurang-kurangnya dua karya yang anda kaji, bincangkan cara-cara yang digunakan oleh pengarang untuk mencetuskan kesan suspen.
9. Berdasarkan sekurang-kurangnya dua karya yang anda kaji, bincangkan bagaimana sesuatu peristiwa atau pertembungan penting memberi kesan kepada watak-watak utama.

Puisi

10. Berdasarkan sekurang-kurangnya dua karya yang anda kaji, bincangkan bagaimana rima menimbulkan keindahan puisi.
11. Berdasarkan sekurang-kurangnya dua karya yang anda kaji, bandingkan bagaimana penyajak berlainan memaparkan persoalan cinta dan hubungan antara manusia.
12. Berdasarkan sekurang-kurangnya dua karya yang anda kaji, bandingkan bagaimana penyajak berlainan menggunakan unsur-unsur sindiran dan provokasi menerusi karya mereka untuk mencetuskan perubahan dalam masyarakat.

Prosa tradisional

13. Sejauhmanakah pemaparan elemen-elemen luar biasa atau fantasi memberi kesan kepada minat dan keseronokan pembaca? Bincangkan berdasarkan sekurang-kurangnya dua karya yang anda kaji.
 14. Watak wanita sering kali mencetuskan konflik dan menyebabkan pengembaraan penuh cabaran dalam cerita-cerita tradisional. Bincangkan berdasarkan sekurang-kurangnya dua karya yang anda kaji.
 15. Sejauhmanakah gaya bahasa prosa tradisional Melayu memberi kesan kepada kefahaman anda dan keseronokan membaca? Bincangkan berdasarkan sekurang-kurangnya dua karya yang anda kaji.
-